TEKNIKAL SPEKSIFIKASI PEMENTORAN KPI KPK (2016)

PERKARA	PENERANGAN
KPI (Indikator)	Peratus Jururawat lantikan baru- Menti yang telah tamat program pementoran dan mahir dalam perkhidmatan kejururawatan.
Definisi KPI	KPI ini merujuk kepada perlaksanaan program pementoran kejururawatan yang efektif, sebagai satu usaha untuk menyediakan jururawat lantikan baru yang mahir dalam memberikan perkhidmatan perawatan yang berkualiti dan selamat kepada klien.
Penerangan Ringkas KPI	**Rasional / Justifikasi Program** i. Program pementoran telah dilaksanakan dengan jayanya dan telah mencapai KPI 99.23% pada tahun 2015, adalah perlu Bahagian Kejururawatan (BKJ) menjalankan KPI *outcome* seperti arahan Bahagian Perkhidmatan JPA. ii. Oleh yang demikian, BKJ perlu menilai keberkesanan program Pementoran Kejururawatan iaitu menilai kemahiran awal Jururawat lantikan baru yang telah tamat program pementoran. **Kaedah Pengumpulan Data** i. Pengumpulan data dari Jururawat pelantikan baru yang telah tamat program pementoran. **ii.** Bagi tahun 2016, data adalah dari **Jururawat yang telah tamat program pementoran pada tahun 2015 di fasiliti hospital.** iii. Data dikumpulkan 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. iv. Perkara yang dinilai adalah kemahiran jururawat melakukan prosedur kejururawatan berdasarkan senarai semak yang disediakan. • Prosedur Kejururawatan yang dinilai ialah; - Pemberian Ubatan Oral - Pemberian terapi intravena - Pemberian transfusi darah - *Aseptic Wound Dressing.*

PERKARA	PENERANGAN

- *Pain score*
- *5 moment hand hygiene*

- Data dari laporan insiden (berkaitan *patient safety*)

a. Penilaian keberkesan program pementoran di General Wad, Wad Kritikal dan O&G:-

Bil	Elemen Yang Dinilai	*Conformance*	*Non-conformance*
1.	Pemberian Ubatan Oral	1	0
2.	Pemberian terapi intravena	1	0
3.	Pemberian transfusi darah	1	0
4.	*Aseptic Wound Dressing*	1	0
5.	*Pain score*	1	0
6.	*5 moment hand hygiene*	1	0
	Jumlah skor	**6**	**0**

	**Laporan Insiden	Tiada	Ada
1	Insiden berkaitan *patient safety*	1	0

** Jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) terlibat dalam insiden yang berkaitan patient safety seperti *medication error, patient's fall, blood transfusion error, patient identification error.*

b. Penilaian di Dewan Bedah

Bil	Elemen Yang Dinilai	*Conformance*	*Non-conformance*
1.	Penerimaan pesakit di *Reception*	1	0
2.	*Scrubbing*	1	0
3.	*Gowning*	1	0
4.	*Gloving – closed dan opened method*	1	0
5.	*Swab and Instrument Count*	1	0
6.	Penjagaan pesakit di *Recovery*	1	0
	Jumlah skor	**6**	**0**

PERKARA	PENERANGAN

	**Laporan Insiden	Tiada	Ada
1	Insiden berkaitan *patient safety*	1	0

** Jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) terlibat dalam insiden yang berkaitan patient safety seperti *medication error*, *patient's fall, blood transfusion error, patient identification error, incorrect swab and instrument count.*

- Jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) yang *conformance* dalam semua prosedur kejururawatan akan mendapat **skor - 6**
- Jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) yang Tiada laporan insiden **skor - 1**
- **Jumlah skor** **7**
  (conformance dalam semua elemen serta tiada mempunyai laporan insiden)

- Jururawat lantikan baru yang mahir perlu mencapai 85% kepatuhan kepada elemen yang dipantau.
- Asessment dan pengumpulan data dilakukan oleh Ketua Jururawat, Penyelia Jururawat Kawasan, Ketua Penyelia Jururawat Hospital dan KPJN

Contoh kiraan:-

Bil	Elemen Yang Dinilai	*Conformance*	*Non-conformance*
1.	Pemberian Ubatan Oral	1	0
2.	Pemberian terapi intravena	1	0
3.	Pemberian transfusi darah	1	0
4.	*Aseptic Wound Dressing*	1	0
5.	*Pain score*	1	0
6.	*5 moment hand hygiene*	0	1
	Jumlah skor	**5**	**1**

	Laporan Insiden	**Tiada**	**Ada**
1	Laporan insiden berkaitan *patient safety*	1	0

PERKARA	PENERANGAN
	- Jururawat lantikan baru (menti yang telah tamat program pementoran) yang *conformance* dalam semua prosedur kejururawatan mendapat **skor - 5** - Tiada laporan insiden **skor - 1** - **Skor yang diperolehi 6** **SKOR DIPEROLEHI : 6** **JUMLAH KESELURUHAN SKOR : 7** **% KEPATUHAN 6 / 7 x 100 = 85.7%**
Definisi *term*	**Jururawat lantikan baru –** Menti yang telah tamat program pementoran dan sedang berkhidmat di fasiliti 6 bulan tamat program. **Program Pementoran -** adalah perhubungan profesional di mana menti akan dibimbing oleh mentor dengan tujuan dan ekspektasi yang telah dipersetujui bersama bagi mempertingkatkan kemahiran *cognitive, pshchomotor dan psychosocial selama 6 bulan.* **Perkhidmatan Kejururawatan** merujuk kepada Perawatan kejururawatan yang diberi kepada pesakit. Dalam KPI ini ia merujuk kepada prosedur kejururawatan. Elemen kejururawatan yang dipantau adalah pemberian ubatan, pemberian terapi intravena, pemberian transfusi darah, *wound dressing, pain score* dan kepatuhan 5 *moment hand hygiene.* Bagi dewan bedah elemen yang dipantau adalah kepatuhan dalam penerimaan pesakit di *reception, scrubbing, gowning, gloving, swab & instruments count* dan penjagaan pesakit di *recovery.* **Kemahiran** merujuk kepada tahap kebolehan Jururawat lantikan baru diukur dalam menjalankan perawatan pesakit berdasarkan kepada elemen yang ditetapkan serta patuh kepada *Standard operating Procedures (SOP)* dan perlu mencapai 85% kepatuhan. **Tamat Program** : 6 bulan - Jururawat lantikan baru yang telah tamat program pementoran 6 bulan pertama.

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>PENERANGAN</th></tr>
<tr><td>Cara Pengukuran</td><td>Bilangan Jururawat lantikan baru (menti) yang telah tamat program pementoran
(Data adalah dari menti yang tamat program pementoran selepas 6 bulan.

• Numerator - Bilangan Jururawat lantikan baru (menti) Yang mahir - mencapai 85% kepatuhan.

• Denominator - Bilangan Menti Yang Dinilai (menti yang tamat program pementoran selepas 6 bulan.

Formula :
$\frac{\text{Bilangan Menti Yang Lulus}}{\text{Bilangan Menti Yang Dinilai}} \times 100$

Exclusion Criteria : - Menti yang belum tamat program pementoran.
- Menti yang gagal dan mengulangi pementoran KPI , tidak boleh diambil kira dalam statistik KPI atau di pindah ke cohort seterusnya.
- Data menti yang LULUS hanya di ambil kira dalam statistik pementoran KPI Ketua Pengarah Kesihatan dan Pengarah Kesihatan Negeri.</td></tr>
<tr><td>Sasaran</td><td>Standard / Sasaran 2016

<table><tr><th>Rate</th><th>Sasaran 2016</th></tr><tr><td>BT (Below Target)</td><td>≤ 85%</td></tr><tr><td>OT (On Target)</td><td>≥ 85% - 89.99%</td></tr><tr><td>ET (Exceed Target)</td><td>≥ 90 % -94.99 %</td></tr><tr><td>ST (Significantly Exceed Targe)</td><td>≥ 95.0 %</td></tr></table></td></tr>
</table>

Lampiran 1

PENGUMPULAN DATA BAGI KPI PROGRAM PEMENTORAN KETUA PENGARAH KESIHATAN DAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI



Data Untuk KPI

Formula:-

$\frac{85}{90} \times 100 =$ **94.4%**